



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANIZATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

JABATAN HUTAN SARAWAK
2021-2025

VERSI SEMAKAN SEMULA SEPARUH PENGGAL



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANIZATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP)

**JABATAN HUTAN SARAWAK
2021-2025**

VERSI SEMAKAN SEMULA SEPARUH PENGGAL

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI JABATAN HUTAN SARAWAK VERSI SEMAKAN SEMULA SEPARUH PENGGAL

Diterbitkan oleh :

JABATAN HUTAN SARAWAK
Tingkat 11-15, Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya,
93050 Petra Jaya, Kuching,
Sarawak.

No. Tel: (6) 082-495 111

No. Faks : (6) 082-495 200

Emel: webmaster@forestry.gov.my

Laman web: www.forestry.sarawak.gov.my

SEMUA HAK CIPTA TERPELIHARA.

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksplotasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Jabatan Hutan Sarawak dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. JHS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.

KANDUNGAN

| | Muka Surat | |
|----|---|-----------|
| 01 | AMANAT PENGARAH HUTAN SARAWAK | ii |
| 02 | PERNYATAAN KETUA UNIT INTEGRITI | iii |
| 03 | PERNYATAAN KOMITMEN | iv |
| 04 | RINGKASAN EKSEKUTIF | v |
| 05 | BAB 1 : PENGENALAN | |
| | 1.1 MISI DAN VISI | 8 |
| | 1.2 LATAR BELAKANG SEMAKAN SEMULA OACP JHS 2021-2025 | 9 |
| 06 | BAB 2 : KERANGKA PELAN | |
| | 2.1 MENGENAI KERANGKA PELAN | 11 |
| | 2.2 PERBANDINGAN SEBELUM DAN SELEPAS SEMAKAN SEMULA | 12 |
| | 2.3 RINGKASAN SEMAKAN SEMULA | 13 |
| 07 | BAB 3 : KESIMPULAN | 32 |
| | | • • • • • |
| | | • • • • • |
| | | • • • • • |

Amanat PENGARAH HUTAN SARAWAK

Selaras dengan kenyataan ‘OACP is a living document’, jabatan senantiasa memastikan segala inisiatif yang dirangka dalam Pelan Pengurusan Anti Rasuah (OACP JHS 2021-2025) mencapai tujuan dan matlamatnya. Melalui bengkel semakan semula OACP JHS 2021-2025 yang telah diadakan pada 23-24 November 2022, Jabatan dapat mengenalpasti pencapaian dan keperluan penambahbaikan inisiatif yang telah, akan dan belum dilaksanakan sejak 2021 sehingga ke hari ini.

Jabatan telah mengenalpasti beberapa perubahan inisiatif OACP JHS 2021-2025 yang perlu ditangani sesuai dengan keadaan dan isu-isu terkini. Secara keseluruhannya 64% peratus inisiatif telah dapat dilaksanakan, dan ada yang masih dalam perlaksanaan. Beberapa inisiatif baru telah diperkenalkan untuk dilaksanakan selaras dengan keperluan semasa.

Secara keseluruhannya OACP JHS 2021-2025 telah memberi impak yang baik kepada imej jabatan. Pelbagai anugerah telah dicapai sepanjang tempoh 2021 sehingga ke hari ini. Jabatan telah berjaya menerima PINGAT PERAK bagi ANUGERAH INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH (AIGA) diperingkat kebangsaan, dan ANUGERAH KCEMERLANGAN PENGUATKUASAAN-PINGAT PERAK (AKPANS 2020) bagi proses *Continuous Monitoring and Surveillance* (COMOS) dan beberapa lagi anugerah lain. Bermula tahun 2022, Jabatan komited ke arah pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS). Pada awal tahun 2023, Jabatan juga sedang giat ke arah pelaksanaan MS ISO 9001:2015 *Quality Management System* (QMS).

Dalam merealisasikan matlamat OACP JHS 2021-2025, peranan dan kerjasama semua kakitangan bersama dengan Ketua Bahagian/Unit/Seksyen amatlah penting bagi memastikan kesinambungan dan kelangsungan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam OACP JHS 2021-2025 dapat dicapai sepenuhnya.

Saya yakin dengan usahasama berterusan dan secara kolektif di antara semua pihak dalam jabatan, matlamat OACP JHS 2021-2025 akan dapat dicapai dan memberi manfaat secara menyeluruh dalam menginstitusikan Jabatan Hutan Sarawak ke arah tadbir urus baik, berintegriti dan bebas rasuah.



DATU HAJI HAMDEN BIN HAJI MOHAMMAD
Pengarah Hutan Sarawak

Pernyataan KETUA UNIT INTEGRITI

Salam Sarawak ku sayang, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dan membuat semakan semula terhadap Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Hutan Sarawak (JHS) 2021-2025. OACP JHS 2021-2025 ini menjadi dokumen rujukan serta garis panduan dalam memelihara integriti dan menambahbaik sistem pengurusan antirasuah di JHS.

Governans yang cekap merupakan elemen yang penting kepada JHS dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik dan berintegriti. Aspek integriti tidak hanya memfokuskan kepada isu-isu rasuah, malah ia melangkaui konsep yang lebih besar. Budaya kerja yang cemerlang berkait rapat dengan integriti dan akauntabiliti. Sebagai contohnya kekujuran, keikhlasan, menepati masa, penyampaian maklumat dan perkhidmatan, kerahsiaan maklumat, menetapijanji, pergaulan yang postif dan saling mendokong antara rakan sekerja dan banyak lagi.

Tidak dilupakan, penghargaan serta ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga dirakamkan kepada YBhg. Datu Pengarah Hutan Sarawak dan Pengurusan tertinggi JHS di atas nasihat, idea dan komitmen yang diberikan dalam melengkapkan buku Semakan Semula Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Jabatan Hutan Sarawak (JHS) 2021-2025 ini.

Akhir kata, marilah kita sebagai satu warga di JHS bersama-sama berganding bahu, menguatkan tekad serta semangat dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berintegriti untuk Jabatan dan Sarawak yang kita sayangi.

Terima kasih.



MICHAEL ANAK TUPONG
Ketua Unit Integriti

PERNYATAAN KOMITMEN

Pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam OACP JHS 2021-2025 telah banyak memberi impak kepada tadbir urus yang baik, mengukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan meninggikan tahap kesedaran terhadap *good governance*, salah guna kuasa dan antirasuaht di kalangan kakitangan jabatan.

Sekali lagi, semua warga JHS komited dan bertekad akan memastikan inisiatif yang dirangka dan dirancang dapat dilaksanakan bersama pihak berkepentingan dan warga JHS dengan telus, penuh bertanggungjawab dan berintegriti.

Semoga pelaksanaan inisiatif akan memberi imej yang positif dan menambahkan keyakinan masyarakat awam terhadap penyampaian perkhidmatan JHS.

- • • • •
- • • • •
- • • • •



RINGKASAN EKSEKUTIF

BAB 1

Memberi gambaran kepada pencapaian disamping justifikasi keperluan semakan semula OACP JHS 2021-2025.

BAB 2

Memberi tumpuan kepada ringkasan semakan semula inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan. Empat bidang keutamaan masih dikekalkan, ada sedikit perubahan dengan strategi dan objektif strategik. Inisiatif ada yang perlu digabungkan, disemak semula/ ditambahbaik dan ada yang digugurkan.

BAB 3

Kesimpulan

AKRONIM

| | |
|-------|---|
| COMOS | <i>Continuous Monitoring and Surveillance</i> |
| RDMD | Bahagian Hasil dan Pengurusan Data |
| PMD | Bahagian Perancangan dan Pengurusan |
| LID | Bahagian Pelesenan |
| PED | Bahagian Pencegahan dan Penguatkuasaan |
| MSD | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| PDD | Bahagian Pembangunan Projek |



BAB 1

PENGENALAN

1.1 VISI DAN MISI JABATAN HUTAN SARAWAK



VISI

DIKTIRAF DI PERINGKAT
GLOBAL DALAM PENGURUSAN
HUTAN MAMPAH



MISI

MENGURUS DAN MEMBANGUN
SUMBER HUTAN SECARA TELUS
UNTUK KEMAMPAHAN SOSIO-
EKONOMI DAN ALAM SEKITAR



1.2 LATAR BELAKANG SEMAKAN SEMULA OACP JHS

Unit Integriti telah mengadakan Bengkel Semakan Semula Pelan Antirasauh (OACP) JHS 2021-2025 pada 23-24 November 2022 dengan penyertaan daripada wakil-wakil daripada setiap bahagian/ unit yang terlibat. Kajian semula telah dilaksanakan dan hasilnya pelan ini telah dikemaskini dengan pengurangan bilangan inisiatif daripada 60 inisiatif kepada 39 inisiatif. Kesemua inisiatif yang telah disemak akan dilaksanakan oleh bahagian/ unit yang dikenalpasti sebagai peneraju bagi setiap bidang keutamaan. Peneraju inisiatif bertindak sebagai penyelaras pelaksanaan manakala Unit Integriti bertindak sebagai pemantau kemajuan dan prestasi pelaksanaan OACP JHS.

17 inisiatif lama telah digugurkan, 12 inisiatif telah dipinda, 2 inisiatif baru dibentuk manakala 8 inisiatif telah dikekalkan di dalam OACP JHS 2021-2025 Versi Semakan Semula SeparuhPenggal.



Semakan semula OACP JHS 2021-2025 adalah selari dengan penstrukturkan semula jabatan pada tahun 2023. Terdapat perubahan pada struktur organisasi yang melibatkan pertukaran agensi pelaksana ataupun bahagian untuk inisiatif yang digariskan di dalam OACP JHS 2021-2025.



BAB 2

KERANGKA PELAN



2.1 MENGENAI KERANGKA PELAN

VISI



Ke arah Jabatan Hutan Sarawak yang bebas rasuah

MISI



Membudayakan amalan integriti diri yang tinggi di semua peringkat dalam Jabatan.

MATLAMAT



- Memantapkan lagi sistem pengurusan hutan dan integriti warga kerja Jabatan.
- Menambahbaik pematuhan tugas kepada sistem pentadbiran yang berkualiti, berintegriti dan mengamalkan nilai antirasuah dalam semua peringkat pentadbiran dan unit pengurusan hutan.


BIDANG KEUTAMAAN



- Pengurusan Hutan
- Penguatkuasaan Ordinan dan Peraturan Hutan
- Kewangan dan Perolehan
- Sumber Manusia

2.2 PERBANDINGAN SEBELUM DAN SELEPAS SEMAKAN SEMULA ORGANIZATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP JHS 2021-2025)

SEBELUM SEMAKAN SEMULA



SELEPAS SEMAKAN SEMULA



2.2 PERBANDINGAN SEBELUM DAN SELEPAS SEMAKAN SEMULA

ORGANIZATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP JHS 2021-2025)

SEBELUM SEMAKAN SEMULA

60
INISIATIF
KESELURUHAN

- 44 Jangka Masa Pendek
- 12 Jangka Masa Sederhana
- 4 Jangka Panjang

SELEPAS SEMAKAN SEMULA

39
INISIATIF
KESELURUHAN

- 8 Jangka Masa Pendek
- 16 Jangka Masa Sederhana
- 15 Jangka Panjang

| INISIATIF | | | |
|-----------|-------|------|-------|
| GUGUR | PINDA | BARU | KEKAL |
| 17 | 12 | 2 | 8 |

2.3 RINGKASAN SEMAKAN SEMULA

ORGANIZATION ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP JHS 2021-2025)

| No. | BIDANG KEUTAMAAN | STRATEGI | OBJEKTIF STRATEGIK | INISIATIF |
|-----|--|----------|--------------------|-----------|
| 1. | Pengurusan Hutan | 3 | 8 | 17 |
| 2. | Penguatkuasaan Ordinan dan Peraturan Hutan | 1 | 6 | 12 |
| 3. | Perolehan dan Kewangan | 1 | 2 | 2 |
| 4. | Sumber Manusia | 2 | 4 | 8 |
| | JUMLAH | 7 | 20 | 39 |

Secara umumnya, kerangka ini secara keseluruhannya bertujuan untuk menggariskan visi dan misi bagi meningkatkan budaya integriti dan membanteras gejala rasuah di JHS. Agenda ini dicapai melalui amalan budaya kerja berteraskan amanah, telus dan berakauntabiliti serta menutup ruang dan peluang salah laku rasuah. 4 bidang keutamaan telah digariskan selepas semakan semula dengan 7 Strategi, 20 Objektif Strategik dan 39 Inisiatif.

BIDANG KEUTAMAAN 1:

PENGURUSAN HUTAN



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | PENGURUSAN HUTAN | | |
|-------------------------------|---|-----------------|---------------------------------|
| STRATEGI 1 | Memantapkan sistem, proses dan peraturan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 | Memperketatkan peraturan penandaan <i>Property Mark</i> (PM) dan <i>Log Production Identity</i> (LPI). Penandaan dilakukan di tempat yang telah ditetapkan. | | |
| BIL. | INISIATIF | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.1.1 | Membuat penambahbaikan prosedur kutipan hasil (DF Circular 1/2014) dan mengambil tindakan terhadap kayu yang tiada PM di PoRM/ CDM. | RDMD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.1.2 | Mengadakan jerayawara mengenai prosedur kutipan hasil di peringkat PHW dan pelesen. | RDMD | JANGKA PENDEK (2021-2022) |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 | Memperkasakan SOP Pre-Felling / Post Logging Block Inspection (Pre-F/PLBI) | | |
| 1.2.1 | Menyemak dan menilai semula SOP Pre-Felling Block Inspection (Pre-F) dan Post Logging Block Inspection (PLBI) di peringkat PHW/FOSCC dan pelesen. | PMD | JANGKA PENDEK (2021-2022) |
| 1.2.2 | Memastikan prosedur baharu difahami, dilaksanakan dan dipatuhi dengan berkesan oleh kakitangan di PHW dan FOSCC. | PMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |

| BIDANG KEUTAMAAN | | PENGURUSAN HUTAN | | |
|-------------------------------|---|---|------------------------|---------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Memantapkan sistem, proses dan peraturan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 | | Memantau ketersediaan dokumen-dokumen penting dan relevan di FOSCC. | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.3.1 | Memastikan setiap FOSCC dibekalkan salinan dokumen (salinan lesen / peta lesen / PEC) yang terkini dan lain-lain dokumen berkaitan. | | LID & PMD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.3.2 | Memantau pelaksanaan SOP proses kerja baharu di FOSCC. | | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |
| 1.3.3 | Menyemak semula lokasi-lokasi FOSCC di lokasi yang strategik dan penempatan kakitangan. | | RDMD | JANGKA PENDEK (2021-2022) |

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | PENGURUSAN HUTAN | | |
|-------------------------------|---|-----------------|---------------------------------|
| STRATEGI 2 | Memantapkan SOP dan memperkasa pematuhan piawaian proses kerja di lapangan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 | Memperkuatkan langkah-langkah keselamatan dalam pencetakan <i>Log Production Identity</i> (LPI) tag | | |
| BIL. | INISIATIF | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 2.1.1 | Memantau pematuhan syarat-syarat baharu perlantikan syarikat panel pencetak untuk LPI tag. | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |
| 2.1.2 | Mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan tag LPI dengan menggunakan teknologi terkini. | RDMD | JANGKA PENDEK (2021-2022) |
| 2.1.3 | Membuat pemeriksaan berkala ke atas syarikat panel pencetak tag LPI bagi memastikan terma dan syarat pencetakan dipatuhi. | RDMD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.2 | Mengenakan peraturan supaya setiap weight bridge perlu menjalani pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala dan penentukuran (calibration) oleh badan yang ditauliahkan | | |
| BIL. | INISIATIF | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 2.2.1 | Memantau kepatuhan DF circular berkenaan penyelenggaraan dan penentukuran (calibration weighbridge). | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |

| BIDANG KEUTAMAAN | | PENGURUSAN HUTAN | | |
|-------------------------------|--|--|---------------------------------|--|
| STRATEGI 2 | | Memantapkan SOP dan memperkasa pematuhan piawaian proses kerja di lapangan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.3 | | Memperkuuh proses pengeluaran <i>Removal Pass</i> (RP). | | |
| BIL. | INISIATIF | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA | |
| 2.3.1 | Menyemak dan menilai semula SOP pengeluaran RP. | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) | |
| 2.3.2 | Memastikan pegawai yang mengeluarkan RP mematuhi prosedur dan jangka masa yang telah ditetapkan. | RDMD | JANGKA PENDEK (2021-2022) | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.4 | | Memperkasakan SOP pendaftaran <i>Daily Production Return</i> (DPR). | | |
| BIL. | INISIATIF | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA | |
| 2.4.1 | Menyemak dan memperkuuh SOP pendaftaran DPR dan memastikan tempoh pendaftaran DPR dipendekkan | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) | |

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | | PENGURUSAN HUTAN | | |
|-------------------------------|--|--|------------------------|---------------------------------|
| STRATEGI 3 | | Memperkasakan kebertanggungjawaban dan integriti warga Jabatan Hutan Sarawak | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 3.1 | | Penempatan kakitangan dan pemantauan dibuat oleh penyelia (HOD) secara berjadual | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 3.1.1 | Menempatkan kakitangan di stesen timbangan Daiken, Jalan Bakun, Tatau, Samarakan dan Sg. Mas dan TPZ kemena dan stesen timbangan lain-lain wilayah. | | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |
| 3.1.2 | Memastikan pegawai bertugas di stesen timbangan mematuhi Perintah-perintah Am, Perkhidmatan Awam negeri Sarawak, 1996 berkenaan waktu bertugas atau peraturan-peraturan jadual bertugas dari masa ke semasa. | | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |
| 3.1.3 | Penyelia membuat pemantauan secara berkala dan mengejut ke stesen-stesen timbangan (<i>weighbridge</i>). | | RDMD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |



BIDANG
KEUTAMAAN
2:

PENGUATKUASAAN ORDINAN
DAN PERATURAN HUTAN

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | | PENGUATKUASAAN ORDINAN DAN PERATURAN HUTAN | | |
|-------------------------------|--|--|------------------------|-------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Pemerkasaan penguatkuasaan ordinan dan peraturan hutan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 | | Meningkatkan keupayaan kakitangan penguatkuasaan Jabatan Hutan Sarawak | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.1.1 | Melaksanakan program latihan dalaman/ luaran berkaitan risikan, siasatan, pendakwaan dan penyediaan kertas siasatan secara berterusan. | | PED | JANGKA PENDEK (2021-2022) |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 | | Memantapkan keupayaan logistik dalam penguatkuasaan hutan | | |
| 1.2.1 | Perolehan tambahan bekalan logistik dan peralatan. | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.2.2 | Menambah bilangan stesen pemeriksaan hutan di lokasi-lokasi strategik. | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.2.3 | Menaik taraf stesen pemeriksaan hutan yang sedia ada. | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.2.4 | Mewujudkan pusat khas penyimpanan barang rampasan (exhibits) yang penuh dengan ciri-ciri keselamatan | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |

| BIDANG KEUTAMAAN | | PENGUATKUASAAN ORDINAN DAN PERATURAN HUTAN | | |
|-------------------------------|--|---|------------------------|-------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Pemerkasaan penguatkuasaan ordinan dan peraturan hutan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 | | Memantapkan kaedah penyiasatan | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.3.1 | Mengkaji dan membuat penambahbaikan manual penyiasatan. | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.4 | | Memantapkan unit penguatkuasaan khas yang bersenjata dan beruniform | | |
| 1.4.1 | Meneruskan usaha untuk menubuhkan briged khas agensi penguatkuasaan Jabatan Hutan Sarawak. | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.4.2 | Melengkapkan briged khas dengan pakaian seragam, senjata dan peralatan perlindungan. | | PED | JANGKA PANJANG (2021-2025) |

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | | PENGUATKUASAAN ORDINAN DAN PERATURAN HUTAN | | |
|-------------------------------|--|--|------------------------|---------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Pemerkasaan penguatkuasaan ordinan dan peraturan hutan | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.5 | | Meningkatkan kecekapan dan tindak balas penguatkuasaan hutan menggunakan teknologi terkini | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.5.1 | Memastikan respon aduan awam yang diterima dapat ditangani dengan lebih cekap dan berkesan dengan menggunakan teknologi terkini melalui media sosial | | PED | JANGKA SEDERHANA (2021-2023) |
| 1.5.2 | Menggunakan teknologi terkini (drone/aircraf/satellite imagery) dalam verifikasi lapangan dan proses pemantauan kesalahan hutan (<i>forest offense</i>). | | PED | JANGKA SEDERHANA (2021-2023) |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.6 | | Memantapkan kaedah penyiasatan. | | |
| 1.6.1 | Menubuhkan semula Jawatankuasa Penilaian Harga bagi kayu balak rampasan. | | PED | JANGKA SEDERHANA (2021-2023) |
| 1.6.2 | Memastikan Tatacara Pelupusan Kayu Rampasan melalui authorised agent Vol.1.0 yang diluluskan oleh JKPOP pada 18 Jun 2020 dilaksanakan secara menyeluruh. | | PED | JANGKA SEDERHANA (2021-2023) |

BIDANG KEUTAMAAN 3:

KEWANGAN DAN PEROLEHAN



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | | KEWANGAN DAN PEROLEHAN | | |
|------------------------|--|---|-----------------------|---------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Meningkatkan ketelusan dan keberkesanan dalam pengurusan dan perolehan serta menutup ruang dan peluang rasuah | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 | | Memastikan pengurusan kewangan diurus dengan telus. | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.1.1 | Memantapkan pematuhan kepada tatacara kewangan, arahan pertindahan dan pekeliling yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. | | SEKSYEN AKAUN, MSD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 | | Memastikan pengurusan perolehan diurus dengan telus. | | |
| 1.2.1 | Memantapkan pematuhan kepada tatacara perolehan dan pekeliling yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa. | | PDD | JANGKA SEDERHANA (2023-2025) |



BIDANG KEUTAMAAN

4:

SUMBER MANUSIA

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | | SUMBER MANUSIA | | |
|-------------------------------|---|---|------------------------|---------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Memperkuatkan pembangunan sumber manusia | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 | | Memastikan pengurusan kewangan diurus dengan telus. | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.1.1 | Menghadkan akses pegawai ke tempat penyimpanan dokumen dan fail sulit/ rahsia. | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.1.2 | Memberi latihan kepada pegawai yang mengendalikan fail terperingkat. | | MSD | JANGKA SEDERHANA (2021-2023) |
| 1.1.3 | Melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai yang bertugas di bahagian berisiko dan sensitif. | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |

| BIDANG KEUTAMAAN | | SUMBER MANUSIA | | |
|-------------------------------|--|--|------------------------|----------------------------|
| STRATEGI 1 | | Memperkuatkan pembangunan sumber manusia | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 | | | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.2.1 | Pemeriksaan mengejut dilakukan sekurang-kurangnya setahun sekali ke atas Unit Stor berdasarkan pekeliling sedia ada. | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.2.2 | Pemeriksaan aset jabatan perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh pegawai yang telah dilantik. | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| 1.2.3 | Laporan kehilangan aset wajib dilakukan mengikut tatacara yang telah ditetapkan. | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

| BIDANG KEUTAMAAN | | SUMBER MANUSIA | | |
|-------------------------------|---|--|------------------------|-------------------------------|
| STRATEGI 1 | | Memperkuatkan pembangunan sumber manusia | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 | | Memantapkan pematuhan kepada prosedur, arahan, peraturan dan pekeliling jabatan. | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 1.3.1 | Memastikan pengurusan dokumen terperingkat dilaksanakan mengikut peraturan sedia ada. | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |
| STRATEGI 2 | | Memperkuatkan integriti sumber manusia | | |
| OBJEKTIF STRATEGIK 2.1 | | Memastikan setiap peraturan difahami dan dipatuhi | | |
| BIL. | INISIATIF | | AGENSI PENERAJU | TEMPOH MASA |
| 2.1.1 | Mengeluarkan pekeliling-pekeliling yang berkaitan dari masa ke semasa | | MSD | JANGKA PANJANG (2021-2025) |

BAB 3

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Dalam usaha membina negara yang bebas rasuah, kerajaan telah merangka pelbagai usaha dalam pemantapan tadbir urus, integriti dan anti rasuah bagi menangani permasalahan rasuah dalam kalangan penjawat awam khususnya. Oleh itu, Jabatan Hutan Sarawak (JHS) sentiasa menyahut seruan dan aspirasi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Oleh itu, peranan setiap warga kerja JHS adalah penting untuk mencapai aspirasi negara yang bebas daripada rasuah, salah guna kuasa dan sebagainya. Oleh itu, usaha JHS dalam melaksanakan semakan semula separuh penggal Pelan Anti Rasuah (OACP) JHS 2021-2025 adalah selari dengan agenda memperkemas tahap integriti dan menangani isu rasuah dengan menutup ruang dan peluang yang mungkin wujud daripada kelemahan amalan, sistem dan tatakelola serta kelemahan integriti dalam kalangan warga kerjanya.

Dokumen OACP 2021-2025 JHS Versi Semakan Semula Separuh Penggal ini merupakan salah satu daripada rangka pemantauan dan pelaksanaan kajian yang berterusan bagi memastikan usaha yang dilaksanakan melalui program dan aktiviti pengukuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah di JHS akan berjaya dilaksanakan dengan lebih sistematik, tersusun dan selari dengan keperluan semasa demi mencapai matlamatnya. Sehubungan itu, kejayaan pelaksanaan OACP JHS ini memerlukan kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak agar kekal relevan dari masa ke semasa.



" Tiga komponen penting perlu diselami dan diamalkan dalam memantapkan semangat berintegriti. Tiga elemen itu adalah berkhidmat tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran, tatacara bekerja dan akauntabiliti."

Yang Amat Berhormat
Datuk Patinggi Tan Sri (Dr)
Abang Haji Abdul Rahman Zohari
bin Tun Datuk Abang Haji Openg

Premier Sarawak
Majlis Amanat Perdana Integriti Tahun 2023



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

PENGHARGAAN

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN HUTAN SARAWAK

| | | | | |
|---|--|---|---|---|
| YBhg Datu Haji Hamden bin Haji Mohammad Pengarah Hutan Sarawak | Encik Oscar Johin anak Nyayop Penolong Pengarah Hutan Kanan Bahagian Hasil dan Pengurusan Data | Puan Madeline anak Geoge Pau Penolong Pengarah Hutan Bahagian Pewartaan dan Konservasi | Encik Michael anak Tupong Ketua Unit Integriti | Encik Hwang Chiong Hee Pegawai Hutan Wilayah Bintulu |
| Tuan Haji Happysupina bin Sait Tim. Pengarah Hutan (Konservasi Hutan dan Pembangunan) | Encik Arifin bin Awang Zulkifli Penolong Pengarah Hutan Bahagian Pelesenan | Dr. Affendi bin Suhaili Penolong Pengarah Hutan Bahagian Teknologi Hutan dan Geospatial | Encik Jeremy Ayum Juan Ketua Unit Audit Dalam | Encik Phillcaine anak Pilla Pegawai Hutan Wilayah Limbang |
| Encik Semilan anak Ripot Tim. Pengarah Hutan (Pengurusan Hutan) | Encik Suliman bin Jamahari Penolong Pengarah Hutan Bahagian Perhutanan Sosial | Puan Salina binti Hamdi Penolong Pengarah Hutan Bahagian Pembangunan Projek | Tuan Haji Azahari bin Omar Pegawai Hutan Wilayah Kuching | Encik Rufus anak Jonathan Alek Pegawai Hutan Wilayah Sarakei |
| Puan Runi anak Sylvester Pungga Penolong Pengarah Hutan Kanan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan | Encik Roslan bin Othman Penolong Pengarah Hutan Bahagian Pencegahan dan Penguatkuasaan | Encik Ali bin Abdullah Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan | Encik Asan Odau Pegawai Hutan Wilayah Miri | Cik Syafiani binti Osman Pegawai Hutan wilayah Sri Aman |
| Puan Hajah Mohizah binti Mohamad Penolong Pengarah Hutan Kanan Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa | Encik Ricky anak Jonathan Alek Penolong Pengarah Hutan Bahagian Perancangan dan Pengurusan Hutan | Encik Marfaizal bin Marzuki Ketua Unit Perancangan Strategik | Encik Zaidi bin Mawek Pegawai Hutan Wilayah Kapit | |
| Encik Abdul Wahab bin Haji Ahmad Penyelaras Unit Integriti dan Unit Audit Dalam | Cik Zarina binti Shebli Penolong Pengarah Hutan Bahagian restorasi dan Hutan Industri | Encik Ali bin Lee Ketua Unit Perundungan dan Khidmat Nasihat | Tuan Haji Ahmad Ashrin bin Mohamad Bohari Pegawai Hutan Wilayah Sibu | |

**PENGHARGAAN JUGA TIDAK TERHINGGA KEPADA PESERTA
BENGKEL SEMAKAN SEMULA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) JHS 2021-2025**

Encik Abdul Wahab bin Haji Ahmad

Encik Earl Roscoe Justin Ruda

Cik Linda Nirwana Caroline

Encik Abdul Rani bin Jaili

Puan Rosalina binti Mohd Tahir

Puan Sophia anak Gira

Encik Modin anak Ambau

Cik Jamilah binti Pungut

Encik Moliadi bin Macha

Cik Nur Aishah binti Haimi

Encik Denny Kana

Cik Nurul Jannah binti Edrus

Fasilitator : Encik Amirul Hapif bin Sitam
Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO)
Regional Corridor Development Authority (RECODA)

Terima kasih juga kepada urus setia Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JHS 2021-2025 Versi Semakan Semula Separuh Penggal iaitu pegawai dan kakitangan di Unit Integriti serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan dokumen OACP JHS 2021-2025 Versi Semakan Semula Separuh Penggal.



JABATAN HUTAN SARAWAK

Level 15, East Wing, Bangunan Baitul Makmur II, Medan Raya, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak

Tel: 082-495 111 Fax: 082-495 200 Email: webmaster@forestry.sarawak.gov.my
www.forestry.sarawak.gov.my